

Ruj.Kami : ST(IP/JKSK/UKLE)100-13/03/10(3)
Tarikh : / November 2023

**Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)**
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



**Semua
Pengilang dan Pengimport Kelengkapan Elektrik**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN: TARIKH PERLAKSANAAN *MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARD (MEPS)* BAGI KELENGKAPAN KETUHAR ELEKTRIK (*ELECTRIC OVEN*)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pembangunan Garis Panduan *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* bagi kelengkapan Ketuhar Elektrik telah dimulakan sejak Januari 2021 oleh ST. Mesyuarat kumpulan kerja teknikal telah diadakan pada Mei 2022 dan hasil kajian telah dibentangkan pada Mac 2023 kepada pengilang, pengimport serta wakil-wakil persatuan. Pembangunan garis panduan ini adalah selaras dengan sub-seksyen 50C, Akta Bekalan Elektrik (pindaan) 2015.
3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa tarikh pelaksanaan keperluan memenuhi *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* bagi kelengkapan ketuhar elektrik akan berkuatkuasa pada 01 November 2024.
4. Mulai dari tarikh penguatkuasaan tersebut, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan kelengkapan Ketuhar Elektrik hendaklah mengemukakan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan di dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh ST.

5. Butiran garis panduan adalah seperti berikut:

KELENGKAPAN	GARIS PANDUAN	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH DIKUATKUASA
Ketuhar Elektrik	<i>Guidelines on the Minimum Energy Performance Standards (MEPS) for Electric Oven</i>	01 November 2023	01 November 2024

6. Panduan di atas boleh dimuat turun dari laman sesawang ST di alamat:

<https://www.st.gov.my/en/web/application/details/2/20>

atau imbas kod QR



7. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer dan mengiklan kelengkapan Ketuhar Elektrik.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nurhafiza', written over a horizontal dotted line.

NURHAFIZA MOHAMED HASAN
Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga

s.k:

- (1) Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
- (2) Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
- (3) Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
- (4) Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor.
- (5) Ketua, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd.
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park,
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12,
63000 Cyberjaya, Selangor.